



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PEMBUATAN SENI KALIGRAFI KHAT DI JABATAN AGAMA ISLAM
SARAWAK (JAIS)**

Nor Hartini Binti Hanapi

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2015**

**PEMBUATAN SENI KALIGRAFI KHAT DI JABATAN AGAMA
ISLAM SARAWAK**

NOR HARTINI BINTI HANAPI

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan
Kepujian Pengurusan Seni

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2015

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on theday of.....2015.

Student's Declaration:

I NOR HARTINI BINTI HANAPI, 37661, FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF
- (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the
work entitled PEMBUATAN SENI KALIGRAFI KHAT DI JABATAN AGAMA ISLAM SARAWAK
..... is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other
sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any
part been written for me by another person.

Date submitted

Nor Hartini Binti Hanapi (37661)
Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I Dr. Noria Tugang..... (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that
the work entitled PEMBUATAN SENI KALIGRAFI KHAT DI JABATAN AGAMA ISLAM SARAWAK
..... (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to
the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of IJAZAH SARJANA MUDA DAN
KEPUJIAN (PENGURUSAN SENI)..... (PLEASE INDICATE THE DEGREE),
and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: DR. NORIA TUGANG Date: _____
(Name of the supervisor)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*
- OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____
()

Supervisor signature: _____
()

Current Address:

No 43,
Kampung Bukit Payong,
22010, Jerteh, Besut,
Terengganu.

Projek bertajuk kajian **Pembuatan Seni Kaligrafi Khat Di Jabatan Agama Islam Sarawak** oleh **Nor Hartini Binti Hanapi (37661)** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Pengurusan Seni.

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Dr. Noria Tugang)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera...

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-NYA saya dapat menyiapkan kajian ini dengan lancar dan sempurna. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih ditujukan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses menyiapkan kajian ini.

Kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah-pensyarah Pengurusan Seni, terutama sekali kepada Penyelia Projek Tahun Akhir saya iaitu Dr. Noria Tugang yang telah memberi tunjuk ajar, bimbingan, dorongan dan semangat sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Tanpa ajar daripada beliau mungkin kajian ini tidak dapat disempurnakan dengan baik. Selain itu, beliau juga merupakan seorang pensyarah yang memberi sepenuhnya tanggungjawab dan komitmen dalam membantu serta memberi tunjuk ajar kepada saya.

Jutaan terima kasih ditujukan kepada keluarga di atas pengorbanan mereka dalam memberi nasihat, semangat, bimbingan dan dorongan serta bantuan kewangan kepada saya dalam menyiapkan kajian ini. Tanpa berkat dan doa mereka tidak mungkin saya berjaya menyiapkan kajian ini dengan sempurna.

Tidak lupa juga kepada kawan-kawan yang disayangi, terima kasih kerana banyak memberi bantuan dan sokongan kepada saya semasa menjalankan kajian ini. Akhir kata dari saya, terima kasih atas segala-galanya. Jasa kalian amat dihargai dan selamat maju jaya.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

Halaman Tajuk.....	i
Borang Pengesahan Status Laporan.....	ii-iii
Pengesahan Dan Tandatangan Penyelia.....	iv
Penghargaan.....	v
Isi Kandungan.....	vi-x
Abstrak.....	xi
<i>Abstract</i>	<i>xii</i>

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pengenalan.....	1-2
1.2 Permasalahan Kajian.....	3-4
1.3 Objektif Kajian.....	4
1.4 Skop Kajian.....	5
1.5 Lokasi Kajian.....	5-7
1.6 Batasan Kajian.....	7-8
1.7 Kerangka Konseptual.....	9-12
1.8 Kepentingan Kajian.....	13-14
1.9 Masalah Yang Dihadapi Semasa Menjalankan Kajian.....	14-15

BAB 2: SOROTAN KESUSASTERAAN

2.1 Pengenalan.....	16-17
2.2 Seni Islam.....	17-18
2.3 Tulisan Arab.....	18
2.4 Kaligrafi Arab.....	19-20
2.5 Seni Dalam Kaligrafi Khat.....	20-21
2.6 Cara Pembuatan Seni Kaligrafi Khat.....	22
2.7 Kelengkapan Seni Khat.....	22-24
2.8 Rumusan.....	24

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan.....	25-26
3.2 Kajian Perpustakaan.....	27-28
3.3 Kajian Kerja Lapangan.....	28-30
3.3.1 Kaedah Pemerhatian.....	29
3.3.2 Kaedah pemerhatian Turut Serta.....	29
3.3.3 Kaedah Temu bual.....	30
3.4 Instrumen Kajian.....	31

BAB 4: ANALISA DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan.....	32-33
4.2 Analisa Kajian.....	33-53
4.3.1 Pembuatan Seni Kaligrafi Khat.....	33-40
4.3.2 Peralatan Yang Digunakan Dalam Pembuatan Kaligrafi Khat.....	40-46
4.3.3 Kegunaan Kaligrafi Khat.....	46-49
4.3.4 Cara atau Kedudukan Dalam Menulis Kaligrafi Khat.....	49-53
4.4 Dapatan Kajian.....	53-58
4.5 Rumusan.....	59

BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Kesimpulan	60-63
5.2 Cadangan.....	63-68
5.2.1 Cadangan Kepada Kerajaan.....	64-66
5.2.2 Cadangan Kepada Jabatan Agama Islam Sarawak.....	66-68
5.2.3 Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang.....	68

RUJUKAN.....	69-71
---------------------	--------------

GLOSARI.....	72
---------------------	-----------

LAMPIRAN.....	73-82
Lampiran 1: Senarai informan.....	73-74
Lampiran 2: Soalan temubual.....	75
Lampiran 3: Gambar-gambar semasa temu bual dijalankan.....	76-78
Lampiran 4: Cara penulisan kaligrafi khat.....	79-80
Lampiran 5: gambar pemerhatian turut serta.....	81-82

SENARAI GAMBAR RAJAH

Gambar rajah 1.5.1	: Peta kawasan kajian
Gambar rajah 1.5.2	: Peta Negeri Sarawak
Gambar rajah 1.5.3	: Peta bandar Kuching Sarawak
Gambar rajah 4.2.1.1	: Penulisan kaligrafi khat
Gambar rajah 4.2.1.2	: Kaligrafi khat Tradisional
Gambar rajah 4.2.1.3	: Kaligrafi khat tradisional
Gambar rajah 4.2.1.4	: Penulisan kaligrafi Khat
Gambar rajah 4.2.1.5	: Tulisan kaligrafi khat
Gambar rajah 4.2.1.6	: Kaligrafi khat tradisional
Gambar rajah 4.2.2.1	: Peralatan tradisional
Gambar rajah 4.2.2.2	: Pen kaligrafi khat tradisional
Gambar rajah 4.2.2.3	: Tulisan khat menggunakan pen khat moden
Gambar rajah 4.2.2.4	: Pen Kaligrafi khat moden
Gambar rajah 4.2.2.5	: Pen kaligrafi khat moden

- Gambar rajah 4.2.3.1** : Tulisan kaligrafi khat sebagai hiasan di dinding
- Gambar rajah 4.2.3.2** : Tulisan kaligrafi khat yang diolah dan dapat diletakkan di atas baju t-shirt
- Gambar rajah 4.2.4.1** : Cara penulisan kaligrafi khat
- Gambar rajah 4.2.4.2** : Cara kedudukan dalam menulis kaligrafi khat
- Gambar rajah 4.2.4.3** : Tulisan khat yang ditulis menggunakan cara dan posisi yang betul
- Gambar rajah 4.2.4.4** : tulisan khat dapat menenangkan jiwa penulisnya

ABSTRAK

Kaligrafi khat adalah merupakan kaligrafi Islam yang juga merupakan khazanah Islam yang amat berharga. Kaligrafi khat ini berkembang seiring sejajar dengan perkembangan dan juga penyebaran Agama Islam. Hal ini kerana kaligrafi khat adalah merupakan kesenian Islam sejagat dan juga digunakan dalam pelbagai urusan oleh masyarakat Islam pada ketika dahulu. Namun, generasi muda kini kurang mengenali dan mahir dalam penggunaan tulisan ini. Selain itu, kekurangan tenaga mahir dalam kaligrafi ini untuk dijadikan sebagai guru untuk mengajar generasi muda yang akan datang. Hal ini kerana, masyarakat lebih memilih mengetengahkan pembuatan moden iaitu melalui teknologi berbanding dengan pembuatan tradisional yang lebih mengekalkan keaslian dan nilai estetika yang tinggi. Malah, dengan ada kemudahan teknologi yang moden ini, kaligrafi ini dijadikan sebagai bisnes kerana ia tidak memakan banyak kos dan masa berbanding pembuatan dari segi tradisional yang juga memerlukan ketelitian dan juga nilai estetika. Hasil daripada kajian ini adalah untuk mengenal pasti pembuatan yang digunakan dalam seni kaligrafi khat di Jabatan Agama Islam Sarawak iaitu sama ada dari segi moden ataupun tradisional. Selain itu kajian ini adalah untuk mengenal pasti alatan yang digunakan dalam proses pembuatan tersebut. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif iaitu melibatkan pemerhatian dan juga temu bual pengkaji dengan informan yang mahir. Hasil penyelidikan dalam kajian ini dapat membantu pengkaji bagi mendapatkan jawapan mengenai kajian melalui kaedah yang telah dipilih oleh pengkaji. Hasil kajian yang telah dijalankan dapat memberi kefahaman yang jelas kepada informan dalam mengenai kajian pembuatan seni pembuatan kaligrafi khat.

Kata kunci: Pembuatan, alatan, nilai estetika.

ABSTRACT

Calligraphy Islamic calligraphy is also a valuable treasure Islam. The khat calligraphy developed along parallel with the development and spread of Islam. This is because calligraphy is the art of Islamic calligraphy is universal and is also used in various affairs of the Muslim community in the past. However, the younger generation is less familiar and proficient in the use of this paper. In addition, the lack of talent in calligraphy is to serve as a teacher to teach the younger generation to come. This is because people tend to highlight the modern manufacturing through technology compared with the more traditional manufacturing to maintain the originality and high aesthetic value. In fact, with some modern technology facilities, calligraphy is used as a business because it does not take a lot of cost and time compared to traditional manufacturing terms which also requires precision and aesthetic value. Results of this study was to identify the manufacturing used in calligraphy in Sarawak Islamic Religious Department as to whether modern or traditional terms. In addition, this study is to identify the tools used in the manufacturing process. The method used in this research is qualitative involving observation and interviews with informants skilled researchers. Research findings in this study may help researchers to find answers about the study through the method chosen by the researcher. The results of a study conducted to provide a clear understanding of the informants in the study of the art of making calligraphic handwriting.

Keywords: *Manufacturing, tools, aesthetics.*

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Seni khat atau seni kaligrafi Islam adalah antara khazanah Islam yang amat berharga dan penting. Hal ini kerana sejarah perkembangannya adalah seiring dengan sejarah perkembangan tamadun Islam, (Abd Rahman Hamzah:2008:1). Tulisan Jawi berkembang pesat sejajar dengan penyebaran Islam, setelah bangsa Melayu mendapati bahawa tulisan yang digunakan mereka selama ini tidak sesuai sekali sebagai wahana penyebaran perihal agama baru ini. Setelah Islam bertapak pesat di Tanah Melayu kesenian kaligrafi khat mula berkembang. (Wikipedia: 2012). Dari perspektif umat Islam, tulisan khat adalah merupakan tulisan yang mempunyai kedudukan yang mulia berikutan kaitannya secara langsung dengan kitab suci Al-Qur'an. (Abd Rahman Hamzah: 2008: 1).

Secara amnya, “khat” mempunyai pelbagai pengertian iaitu mengikut pengertian Biologi, ia membawa maksud raut muka dan juga bererti garis-garis tapak tangan. Manakala, mengikut pengertian matematik pula ia adalah membawa mempunyai garisan panjang bukan lebar dan tinggi. (Jainal Sakiban: 2005: 3). Pengertian khat mengikut pengertian bahasa pula adalah khat, tulisan, lakaran, bilangan dan garis mempunyai makna yang sama iaitu

memindahkan idea pemikiran di atas melalui. Menurut kamus al-safiah dan jam‘ul-jawani’, khat ialah menggambarkan perkataan dengan melukis huruf-huruf tunggal dan mengambil kira permulaan dan akhirnya’. Pendapat lain mengatakan bahawa khat ialah ilmu yang dapat mengetahui kedudukan huruf dan cara penyusunan dalam tulisan yang ditulis. (Jainal Sakiban: 2005: 4). Manakala perkataan kaligrafi pula adalah membawa maksud seni tulisan yang indah dan cantik. Perkataan kaligrafi ini berasal daripada perkataan Yunani, kalios yang membawa maksud indah dan graphia pula membawa maksud tulisan ataupun coretan. (Abd Rahman Hamzah: 2008: 1).

Pengkaji juga mendapati Kaligrafi adalah sebagai seni yang dapat mengekspresikan nilai spiritual yang sangat unik dan dihormati oleh kaum Muslim. Seni kaligrafi khat pada awalnya merupakan untuk menulis wahyu dalam Al-Quran dan kemudiannya berkembang luas dalam masyarakat Islam. Seni ini tidak ketinggalan tetapi semakin kurang dalam pembuatannya dan tidak diturunkan terutama dalam golongan muda pada generasi pada zaman sekarang.

Selain itu, dalam aspek kaligrafi khat terbahagi kepada 7 jenis kaligrafi yang menarik dan dikenali ramai dari jenis-jenis yang wujud, iaitu, Kufi, Thuluth, Nasakh, khat Ta’liq / khat Farsi, Khat Riq’ah, Khat Diwani, Khat Ijazah. (Jainal Sakiban: 2005: 51-97). Kaligrafi mempunyai kegunaan tertentu dalam penulisannya dan mempunyai perbezaan dari segi cara menulis mahupun penulisannya. Dalam kajian ini, pengkaji mengecilkan skop kajiannya dengan memfokuskan aspek pembuatan kaligrafi khat dan peralatan yang digunakan serta nilai estetika yang terdapat dalam seni pembuatan kaligrafi khat tersebut.

1.2 Permasalahan Kajian

Kaligrafi khat adalah merupakan satu warisan kesenian yang berharga kepada orang Muslim. Hal ini kerana, pada masa dahulu kaligrafi Arab selalu digunakan dalam tugas seharian iaitu menulis surat dan banyak lagi. Namun, dalam era globalisasi kini terdapat banyak ancaman dan juga masalah dalam kesenian kaligrafi khat. Hal ini juga menyebabkan generasi muda pada masa sekarang kurang menghargai dan kurang mengetahui nilai dalam pembuatan seni kaligrafi khat.. Selain itu, generasi muda atau masyarakat itu kurang mengetahui atau menyedari bahawa mengenai pembuatan seni kaligrafi khat mempunyai nilai estetika yang tersendiri dalam pembuatannya mahupun reka bentuknya sendiri. Masalah yang dihadapi oleh seni kaligrafi khat pada hari ini telah mendorong pengkaji untuk membuat kajian mengenai proses pembuatan seni kaligrafi khat di Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS)

Masalah yang dihadapi dalam kesenian kaligrafi khat adalah kerana kaligrafi ini tidak lagi diaplikasikan dalam masyarakat kerana kurangnya masyarakat yang mahir dalam pembuatan seni ini. Perkara ini berlaku kerana perubahan zaman dan kurangnya pengetahuan dalam kaligrafi Arab serta kurangnya inisiatif dalam mengadakan kelas khas yang berkaitan dengan seni kaligrafi khat. Hal ini berlaku terutama kepada generasi muda yang segelintir kurang memahami dan mahir dalam pembuatan dan juga mengenai seni kaligrafi khat. Pengkaji juga mendapati bahawa kurangnya penyelidikan mengenai kaligrafi khat terutama dari segi cara atau proses pembuatan seni kaligrafi khat oleh pengkaji-pengkaji yang lepas. Hal ini demikian kurangnya kegiatan-kegiatan kesenian seumpama ini di negeri-negeri yang dapat dijadikan sebagai kajian kepada pengkaji-pengkaji yang lepas. Hal ini juga menyebabkan pengkaji-

pengkaji yang lepas tidak mempunyai maklumat yang banyak mengenai bidang kajian tersebut.

Selain itu, ada antaranya penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas tidak lengkap kerana kekurangan maklumat yang diperoleh mengenai bidang kajian ini. Dengan berlakunya keadaan seperti ini akan menyebabkan kajian yang dilakukan terbatas dari segi pemerolehan maklumat dan tempat kajian. Masalah yang sering dihadapi dalam seni kaligrafi khat ini adalah generasi muda tidak lagi mengetahui nilai-nilai estetika yang terdapat dalam pembuatan seni tersebut dan bahan serta alatan yang digunakan dalam proses pembuatan seni kaligrafi khat.

1.3 Objektif Kajian


- Mengenalpasti pembuatan yang digunakan dalam seni kaligrafi khat di Jabatan Agama Islam Sarawak.
- Mengkaji alatan yang digunakan dalam proses pembuatan tersebut.
- Menganalisa nilai estetika dalam pembuatan seni kaligrafi khat.

1.4 Skop Kajian`

Kajian sebelum ini, terdapat kajian mengenai seni kaligrafi khat tetapi tidak banyak aspek yang dirungkaikan oleh pengkaji yang lepas. Menurut pengkaji, kajian lepas mengenai bidang seni kaligrafi khat adalah terbatas, di mana memfokuskan cara pemeliharaan dan juga nilai estetika, sebagai bahasa asing yang popular, serta kaligrafi Arab sebagai tulisan serantau.

Skop kajian pengkaji dalam bidang seni kaligrafi khat adalah mengenai pembuatan seni kaligrafi itu tersendiri iaitu turut merangkumi kegunaan dan juga nilai dalam seni itu sendiri. Selain itu turut mengkaji nilai estetika dalam pembuatan seni kaligrafi khat. Selain itu, dalam kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti alatan yang digunakan dalam pembuatan seni kaligrafi khat. Dalam kajian itu juga dapat memastikan alatan serta kegunaan alatan tersebut dapat mempengaruhi dalam proses pembuatan serta nilai estetika yang terdapat dalam seni kaligrafi khat.

1.5 Lokasi Kajian




Gambar rajah 1.5.1: Peta kawasan kajian

Pengkaji akan menjalankan kajian berdasarkan kepada kaum Melayu yang beragama Islam. Hal ini kerana bidang yang dikaji oleh pengkaji adalah berkaitan dengan kesenian Islam. Lokasi kajian yang dipilih oleh pengkaji adalah di Sarawak iaitu di Jabatan Agama Islam Sarawak. Pengkaji juga memilih JAIS kerana kaligrafi khat adalah merupakan salah satu produk atau kesenian yang ada dalam badan tersebut. Selain itu, pengkaji juga akan menggunakan informan iaitu masyarakat yang mahir dalam membuat kaligrafi khat iaitu pekerja yang berkhidmat dalam badan tersebut sebagai informan untuk pengkaji mendapatkan data atau maklumat dalam proses pembuatan bidang kajian tersebut. Hal ini kerana mereka adalah merupakan informan yang tepat untuk bekerjasama dengan pengkaji dalam memberikan data dan juga maklumat dalam bidang yang dikaji kerana informan-informan tersebut adalah semestinya orang yang berpengalaman yang bidang tersebut.



Gambar rajah 1.5.2: Peta Negeri Sarawak



Gambar rajah 1.5.3: Peta bandar Kuching Sarawak

1.6 Batasan Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, terdapat beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan terutamanya dalam masalah bahasa yang digunakan. Hal ini kerana, pengkaji menggunakan pelbagai cara bahasa dalam menerangkan sesuatu keadaan atau soalan supaya informan yang bekerjasama dapat memahami dengan mudah sesuatu keadaan atau soalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Terdapatnya masalah seperti ini akan mengakibatkan proses temu bual yang dijalankan mengambil masa yang lama.

Selain itu, masalah yang dihadapi oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini adalah pengkaji sukar mencari maklumat atau data tentang bidang kajian yang dikaji. Hal ini adalah kerana kurangnya maklumat dari segi bahan bacaan seperti buku mengenai bidang yang dikaji, malah maklumat yang diberikan adalah tidak lengkap dan ini menyukarkan pengkaji dalam mencari bahan rujukan untuk menjalankan kajian.

Masalah seterusnya yang dihadapi oleh pengkaji adalah kekurangan institusi kesenian kaligrafi khat yang diamalkan dan diniagakan. Hal ini menyukarkan pengkaji untuk mencari lokasi kajian yang tepat untuk menjalankan kajian ini. Dengan kurangnya perniagaan dalam pembuatan seni kaligrafi khat ini membataskan kajian dalam pencarian lokasi oleh pengkaji untuk menjalankan kajian tersebut.

Selain itu, batasan yang dapat menghalang pengkaji menjalankan kajian adalah kekurangan informan ataupun masyarakat yang mahir dalam bidang kajian ini. Hal ini kerana mereka yang mahir adalah merupakan masyarakat yang telah berumur dan kebanyakan mereka yang mahir dalam pembuatan tersebut telah meninggal dunia. hal ini membataskan kajian yang hendak dijalankan oleh pengkaji.

Seterusnya adalah, pengkaji juga sukar untuk menetapkan masa atau tarikh untuk menjalankan temu bual seperti yang di kehendaki. Hal ini disebabkan oleh kesibukan informan dalam melakukan aktiviti harian mereka sendiri. Selain itu juga, berurusan dengan sesebuah institusi juga memerlukan masa dan tarikh yang sesuai. Secara tidak langsung, hal ini membataskan kajian yang dijalankan oleh pengkaji untuk menyiapkan penyelidikan ini kerana maklumat yang dikehendaki sukar untuk diperoleh disebabkan kesibukan dan perlu mengikut waktu dan tarikh yang diberikan oleh informan ataupun institusi yang dipilih oleh pengkaji untuk menjalankan kajian.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Menurut J. Pedrsen bahawa peradaban Islam dalam tulisan Arab memainkan peranan yang penting. Selain itu menurut Sayeed Oseen Nasr mengenai kaligrafi dan seni Islam adalah kaligrafi yang tergolong dalam kalangan seni yang tinggi, hal ini kerana kaligrafi itu sendiri menjadi simbol kesenian Islam. Hal ini kerana, tulisan Arab yang dijadikan sebagai khat kini adalah merupakan tulisan rasmi dalam semua urusan yang dijalankan oleh masyarakat Islam pada suatu ketika dulu. Menurutny lagi, hal ini di dukung oleh ayat-ayat Al-Quran sebagai alat motivasi dan juga sumber inspirasi. Ini kerana menurut beliau, kaligrafi adalah merupakan media yang penting dalam proses penyampaian ilmu pengetahuan dan juga dapat dijadikan media. Hal ini kerana seni khat adalah seni Islam yang mempunyai nilai yang tinggi dalam kualitinya. Selain itu, tulisan ini adalah yang digunakan dalam kitab yang digunakan oleh masyarakat Islam, di dalam kitab tersebut mempunyai nasihat, motivasi atau pedoman yang dapat digunakan oleh penganutnya dalam menjalani kehidupan seharian. Selain untuk kehidupan, Al-Quran juga digunakan untuk kerohanian jiwa dalam masyarakat tersebut.

Selain itu, kepentingan kaligrafi khat dilihat kepentingannya sejak turunnya wahyu yang pertama kepada Nabi Muhammad S.A.W. Kesungguhan masyarakat Islam terhadap seni kaligrafi khat semakin terserlah seiring dengan penyebaran agama Islam ke merata tempat serta penggunaannya, iaitu dari segi hiasan di dinding dan juga sebagai lukisan yang dapat digunakan oleh masyarakat untuk rumah mereka. Hiasan di dinding dengan menggunakan tulisan adalah sering dilihat di dinding masjid, pasu, tembikar.

Menurut (Khairunnisa 2004: 6). “lukisan kaligrafi Islam” menjadi tema sentral dalam kegiatan melukis harus dibezakan dengan adanya “kaligrafi Islam murni”. Yang kedua ia merujuk kepada karya-karya tulisan tanpa warna yang mengutamakan kaligrafi Islam dalam bentuk huruf yang telah baku atau *al-khat almansub* (seperti *al-aqlam al-sittah* atau *the six pens*). Sementara yang pertama menampilkan karya lukis dengan warna yang bertemakan kaligrafi Islam dalam bentuk-bentuk yang sebahagian besarnya bebas, tanpa mengacu kepada kaedah baku. “lukisan kaligrafi Islam” dihasilkan oleh para pelukis yang sebahagian besarnya lulusan daripada Akademi Seni Rupa berdasarkan kemurnian huruf-hurufnya. “Lukisan kaligrafi Islam” dibezakan menjadi dua kelompok. Pertama adalah “Lukisan kaligrafi murni”, iaitu lukisan yang mengambil kaligrafi sebagai tema, tanpa mengubahnya. Kedua adalah “lukisan kaligrafi bebas”, iaitu lukisan yang mengutamakan kaligrafi dengan bentuk-bentuk yang bebas, tanpa terikat standard baku atau *al-khat al-mansub* tadi (Khairunnisa 2004 : 6).

Seni lukis kaligrafi sebagai salah satu bentuk karya seni yang berlandaskan oleh pertimbangan nilai estetika dan keagamaan, serta mempunyai fungsi penting dalam kaligrafi khat, iaitu secara fizik, ia dapat berfungsi untuk dekorasi, dan secara ideal ia dapat dipakai sebagai media komunikasi untuk menyampaikan “misi dakwah” kepada peminat agar mendapat sentuhan nilai/rasa keagamaan. Hal ini secara tegas dinyatakan oleh Yahya (1984: 6) bahawa memupuk aqidah dan keupayaan mempertebal iman ternyata dapat dilakukan melalui seni lukis kaligrafi. Hal ini telah ditegaskan juga oleh Jarir (1984) bahawa seniman Muslim tentunya akan mengabdikan karya seninya untuk mengajak manusia agar lebih dekat dan takwa kepada Allah.

Selain itu, menurut pakar dalam bidang seni khat ini, kaedah pembelajaran dalam bidang ini adalah mengikut cara lama iaitu cara tradisional. Oleh disebabkan itu, cara ini masih digunakan dalam kebanyakan tempat yang mengajar kesenian seni khat ini. Antara peralatan tradisional yang digunakan ialah buluh yang bersaiz kecil dan bersesuaian untuk dijadikan sebagai pen tradisional dalam menulis kaligrafi khat. (Abdul Rahman Hamzah: 2008: 74). cara tradisional adalah merupakan pilihan kepada pelukis atau profesional. Hal ini kerana dalam cara atau kaedah terdapat nilai estetika yang tidak dapat ditandingi oleh kaedah moden.

Menurut beliau, Penyebaran masa khat telah mempengaruhi masyarakat iaitu untuk mendalami budaya dan masyarakat Islam. Oleh disebabkan itu, khat mula diterima dan dipelajari oleh pelbagai bangsa di dunia dan tidak mengira agama yang dianuti oleh mereka. Dalam buku yang Khat & Jawi Mutiara Kesenian Islam Sejagat yang ditulis oleh Abdul Rahman Hamzah pada tahun 2008, kesenian ini juga telah diubahsuai mengikut kesesuaian dan mengikut cita rasa masyarakat dalam bentuk-bentuk kaligrafi yang diolahnya, tetapi masih tidak lari daripada konteks sebenar kesenian tersebut. Dalam pengolahan dan penambahbaikan masih dapat diterima umum kerana ia masih menitik beratkan kualiti yang asli dalam keseniannya. (Abdul Rahman hamzah: 2008: 51)

Penulisan kaligrafi khat ini memerlukan penggunaan peralatan yang tersendiri. Hal ini kerana ia akan bergantung pada cara ditulis dan ciri-ciri penulisan yang dibuat oleh seseorang penulis yang menghasilkan seni ini. Menurut beliau juga, antara peralatan yang perlu ada untuk seseorang penulis khat ialah pen khat, dakwat, pisau atau juga dikenali sebagai maqta